



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PANDUAN PENGOPERASIAN TASKA DILULUSKAN

Putrajaya, 3 Jun 2020 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membuat pembentangan dan mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). Panduan yang telah diluluskan ini telah ditambahbaik dengan mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak dan demi kesejahteraan mereka yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, taska-taska sudah boleh beroperasi berpandukan kepada panduan ini. Panduan yang dibangunkan ini meliputi panduan menyeluruh pengoperasian taska bermula dari persediaan untuk membuka semula taska, semasa taska beroperasi dan selepas selesai sesi harian tersebut. Pengusaha taska adalah dinasihatkan agar merujuk kepada Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan terlebih dahulu bagi dibuat verifikasi sebelum mula beroperasi.

“Bagi memastikan agar pengusaha taska mematuhi SOP ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan KKM akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas taska-taska yang telah mula beroperasi. Diharapkan dengan pembukaan semula taska ini, dapat memberi kelegaan kepada para ibu bapa yang berkerja yang sebelum ini terkesan dengan penutupan taska akibat pandemik COVID19 dan PKP,” menurut YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Majlis Penyampaian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada KPWKM sempena PKP Covid-19.

Di majlis ini, pihak KPWKM telah menerima sumbangan daripada tiga badan korporat yang berupa *Set Personal Protective Equipment (PPE)* daripada Briged Negaraku yang keseluruhannya berjumlah RM 10,000.00 dan Persatuan Wanita Unity Malaysia (PERWIM) yang berjumlah RM12, 000.00 serta 1 unit Mesin pengimbas suhu dan pengimbas wajah bertopeng (*UNV Intelligent Temperature Measurement Facial Control*).

daripada PROTASCO Berhad. Majlis Penyampaian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada KPWKM Sempena PKP Covid-19 telah yang diadakan di Lobi, KPWKM.

Sehingga kini, sebanyak 2,779 NGO telah memberikan sumbangan yang secara keseluruhannya bernilai RM 21,056,034.50 dan ini telah memberikan manfaat kepada 402,876 isi rumah. Penyerahan kepada penerima berdasarkan Aduan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Talian Kasih 15999, rujukan NGO dan juga rujukan Pemimpin Tempatan.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Emell: info@kpwkm.gov.my